


# BULI

Sinar Harian

26 SEP 2010

MIB  
N10



HASNIZA HUSSAIN

**MENGIMBAU** kembali alam persekolahan yang sudah lama ditinggalkan, pernahkah anda berhadapan dengan masalah, poket anda 'dikosongkan' oleh rakan sebaya? Mungkin juga anda pernah menangis kerana bekalan makanan yang dibawa dirampas rakan sekelas?

Dalam kata lain, anda pernah 'dipau' rakan yang cukup sinonim dengan karakter berbadan besar, berwajah bengis atau nakal, ketawa besar serta menggertak dan mengasari anda untuk mendapatkan wang saku termasuk melakukan apa saja yang dikehendaki mereka.

"Kau ada 50 sen tak? Bagi aku.." atau 'Bagi aku duit! Bagi semua yang kau ada... nanti kau pergi belikan nasi lemak untuk aku dengan air sirap sekali!'. Tidak kurang

juga, "Bawa bekalan sedap nampak... bagi aku! Kalau tak, kau nampak penumbuk ni?? Ha, 'duit belanja' untuk aku jangan lupa.. bagi sekali!" Dulu, ungkapan seperti ini mungkin dianggap perkara biasa kerana 'hal budak-budak'.

Bagaimanapun jika dilihat dari konteks berbeza, anda atau sesiapa saja secara tidak langsung boleh dikategorikan sebagai mangsa buli. Dalam sesetengah kes, ada pelajar di peringkat sekolah rendah termasuk menengah mengalami kesan trauma jangka panjang apabila mereka turut dipukul dan diperlakukan dengan lebih agresif oleh si pembuli. Dalam kes lain, kematian turut dilaporkan apabila mangsa melawan atau enggan mengikut arahan mereka.

orang keyakinan pada diri sendiri.

- Pelajar sekolah rendah turut tidak terlepas berikutan mangsa di kalangan peringkat umur ini, lebih mudah untuk dibuli.

## Kategori buli

### 1) Buli fizikal

- Melibatkan peras ugut, pukul, tendang, tampar, menarik rambut, cubit, tolak-menolak termasuk sepak terajang sehingga menyebabkan kecederaan.

- Dalam sesetengah kes, perbuatan buli seperti ini turut mengakibatkan kematian kepada mangsanya. Objek keras atau tajam kadangkala digunakan untuk menggertak mangsa.

### 2) Buli mental

- Lebih kepada ejek-mengejek. Nama pelajar atau ahli keluarga yang aneh, biasanya menjadi punca untuk dijadikan bahan ejekan pelajar senior (pembuli).

- Kategori buli jenis ini kurang mendapat perhatian media massa walaupun ia sebenarnya serius berlaku di sekolah.

## Faktor pembuli cenderung melakukan buli

- Pengaruh rakan sebaya faktor paling kuat untuk mengubah tingkah laku seseorang pelajar
- Dendam serta keinginan untuk memperlihatkan rasa tidak puas hati.

- Iri hati pada mangsa yang mungkin lebih berjaya.

## Langkah untuk menangani kes buli

### 1) Peranan mangsa

- Mangsa perlu membuat laporan kepada pihak sekolah seterusnya kepada polis.

- Jauhi pelajar yang diketahui memiliki karakter jahat, bermasalah serta mencurigakan.

- Bergerak dalam bentuk kumpulan terutama ketika pulang dari sekolah bagi mengelakkan dibuli di kawasan luar sekolah.

### 2) Peranan ibu bapa/ keluarga

- Maklumkan kepada pihak sekolah jika anak-anak menjadi mangsa buli seterusnya, lapor pada polis
- Pantau kegiatan anak-

menampal poster anti buli di sekolah tetapi turut mengedarkan risalah anti buli kepada setiap pelajar untuk dibaca bersama dengan ibu bapa.


- Jawatankuasa khas perlu diwujudkan di sekolah bagi mengendalikan program anti buli termasuk melakukan analisis berhubung keberkesannya.

- Perbincangan berhubung kegiatan buli perlu dimasukkan dalam agenda mesyuarat Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) sekolah.

### 4) Peranan media massa

- Media perlu mengurangkan siaran yang ganas dan bersifat jenayah.

- Penayangan program bersifat pembentukan keperibadian remaja dan melibatkan pelajar cemerlang perlu ditonjolkan supaya menjadi idola kepada pelajar yang lain.



anak dan ambil berat soal pelajaran, rakan-rakan ter-

Kegiatan buli mungkin dianggap sebagai jenayah

## Definisi

Buli bermaksud perbuatan mengasari individu yang lemah dengan tujuan untuk menunjukkan kekuatan diri.

## Pembuli

• Individu dalam kategori ini kebiasaannya terdiri daripada pelajar menengah atas iaitu pelajar tingkatan empat, lima dan enam. Pelajar sekolah rendah turut dikesan melakukan buli secara kecil-kecilan.

• Bergerak dalam bentuk kumpulan dan biasanya usia mereka sebaya.

• Fizikal: bertubuh besar, tegap dan tinggi.

• Kegiatan buli dianggap



Pelajar sekolah rendah juga tidak terlepas berikutan mangsa dalam kalangan peringkat umur ini, lebih mudah untuk dibuli.

sebagai satu 'pelarian' (escapism) bagi menghilangkan perasaan bosan di sekolah.

• Kejayaan membuli pelajar junior atau yang lemah menjadi satu kepuasan, selain dapat menunjukkan kekuatan serta kekuasaan me-

reka yang tidak boleh dicabar.

## Sasaran (mangsa)

• Pelajar junior di peringkat menengah rendah iaitu di tingkatan satu, dua dan tiga terutamanya yang ku-

• Akibat masalah keluarga, kurang berjaya dalam pelajaran, mempunyai masalah disiplin.

• Individu yang gagal mengendalikan emosi dengan baik.

• Sekadar mahu ber-seronok.

masuk masalah anak di sekolah.

• Ibu bapa perlu berinteraksi dengan guru atau pihak sekolah dengan lebih kerap termasuk menghadiri aktiviti sekolah serta perjumpaan dengan guru.

## 3) Peranan pihak sekolah

• Pengetua perlu berani melaporkan kejadian buli kepada pihak berkuasa dan tidak bersikap mendiamkan diri kerana bimbang reputasi sekolah terjejas.

• Dapatkan maklumat tentang kes buli yang berlaku di sekolah, sama ada dalam bentuk psikologi atau fizikal.

• Perlu mempunyai peraturan jelas berkaitan buli iaitu bukan saja dengan

kecil oleh sesetengah pihak kerana skopnya lebih tertumpu di sekolah.

Bagaimanapun jika hal ini dipandang enteng, tidak mustahil perlakuan ini berkembang menjadi jenayah lebih berat. Pembuli turut dikaitkan dengan aktiviti lain seperti gengsterisme, vandalisme sehingga membawa kepada kegiatan ragut serta samun.

Kepada ibu bapa, perhatikan anak-anak anda guru disarankan untuk mempertingkatkan pengetahuan berhubung isu dan mangsa buli, jangan takut untuk melaporkan kegiatan pembuli, kerana tindakan anda akan membuka ruang untuk pihak berkuasa membanteras perkara ini hingga ke akar umbi.